



Surat Kami : 100-UiTM (PUU-6/13)  
Tarikh : 15 Mac 2011

Profesor Emeritus Datuk Dr. Shad Saleem Faruqi  
Penasihat Undang-Undang Universiti  
Legal Advisor to the University  
e-mail: [shad247@salam.uitm.edu.my](mailto:shad247@salam.uitm.edu.my)

KEPADA SEMUA PENGARAH KAMPUS/  
DEKAN/KETUA PUSAT/BAHAGIAN/UNIT/  
KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

MELALUI Y.BHG. DATO'   
NAIB CANSOLOR

Assalamualaikum Wrmt. Wbrkt.

DATO' PROF IR DR SAHOL HAMID ABU BAKAR, FASc  
Naib Canselor  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/ Dr./lr./Tuan/Puan

### PROSEDUR PEMROSESAN MOU DAN MOA

Dengan segala hormatnya kami merujuk kepada perkara di atas.

2. Kami ingin memaklumkan bahawa Pejabat Penasihat Undang-Undang menerima banyak permintaan untuk menderaf, meneliti serta menyemak MOU dan MOA dan menasihati jabatan-jabatan berkenaan.

3. Demi melindungi kepentingan UiTM dan juga untuk membolehkan jabatan kami menasihati Y.Bhg. Dato' Seri Naib Canselor dengan sebaiknya, kami memohon kerjasama semua Pengarah Kampus/ Dekan/ Ketua Jabatan supaya memajukan kepada jabatan kami bersama MOU dan MOA perkara-perkara berikut:

- (a) Maklumat-maklumat penting berkenaan pihak yang ingin memasuki MOU/MOA dengan UiTM. Antara maklumat-maklumat penting adalah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
  - i) Nama dan maklumat penuh pihak-pihak;
  - ii) Nama penuh dan pangkat pihak yang akan menandatangani MOU/MOA;
  - iii) Objektif MOU/MOA; dan
  - iv) Pegawai yang bertanggungjawab/dirujuk.
- (b) Jika MOU/MOA tersebut merupakan MOU/MOA komersial, sila pastikan maklumat-maklumat syarikat yang lengkap juga dibekalkan. Antara maklumat yang perlu dibekalkan adalah:
  - i) Profil syarikat;
  - ii) Nombor pendaftaran syarikat
  - iii) Modal dibenarkan;
  - iv) Modal berbayar; dan
  - v) senarai pengarah syarikat;
- (c) Apa-apa lampiran atau dokumen yang dimasukkan bersama-sama atau dirujuk di dalam MOU/MOA tersebut; dan

(d) Klausula-klausula yang melibatkan kewangan terutamanya kewangan UiTM. (Seperti Lampiran A atau B yang dikepilkkan bersama-sama surat ini.)

4. Perkara-perkara yang disenaraikan di atas adalah sangat penting bagi membolehkan pihak Pejabat Penasihat Undang-Undang membuat penilaian dan memberikan nasihat kami. Jika Pejabat Penasihat Undang-Undang mendapati terdapat kekurangan maklumat atau lampiran/dokumen tidak dibekalkan, pihak kami berhak untuk tidak memproses atau tidak meluluskan MOU/MOA tersebut sehingga maklumat, lampiran atau dokumen yang diperlukan dibekalkan kepada kami.

5. Pejabat kami sedar bahawa masih terdapat keraguan mengenai penandatanganan bagi Memorandum yang dihantar. Sehubungan dengan itu, pihak kami ingin merujuk pihak Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/ Dr./Ir./Tuan/Puan kepada Sek. 15 Akta Universiti Teknologi MARA 1976 (Akta 173) yang memperuntukkan bahawa Lembaga Pengarah Universiti boleh mewakili kepada mana-mana ahli atau mana-mana jawatankuasa terdiri daripada ahli-ahlinya kuasa untuk menjalankan mana-mana kuasa, kewajipan atau tugas bagi pihak Lembaga. Lembaga Pengarah Universiti telah memutuskan di dalam mesyuarat Lembaga Pengarah untuk memberi kuasa menandatangani MOU dan MOA seperti di dalam Lampiran C yang dikepilkkan bersama-sama surat ini.

6. Cadangan atau pandangan yang diberikan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang perlu diajukan kepada pihak yang memasuki MOU/MOA bersama UiTM. MOU/MOA tersebut perlu mengikut pandangan dan pindaan-pindaan yang telah dicadangkan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang. Hanya MOU/MOA yang telah dipinda dengan betul akan dihantar kepada Jawatankuasa Esekutif dan/atau Lembaga Pengarah Universiti untuk kelulusan mereka.

7. Kerjasama Y.Bhg. Dato'/Datin/Prof./Prof. Madya/ Dr./Ir./Tuan/Puan amat kami hargai dan kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Wassalam.

Yang benar,



**SHAD SALEEM FARUQI**  
Penasihat Undang-Undang Universiti  
Universiti Teknologi MARA  
/as

MAKLUMAT MEMORANDUM PERSEFAHAMAN DAN PERJANJIAN

1.0 PERKARA

2.0 TUJUAN

3.0 PIHAK-PIHAK

A. UiTM diwakili oleh.....

Alamat berdaftar.....

B. Syarikat (No Pendaftaran).....

Alamat berdaftar.....

4.0 PROFIL SYARIKAT

A. Pemegang saham

B. Modal dibenarkan

C. Modal berbayar

D. Jenis perniagaan

5.0 LOKASI PROJEK

6.0 TEMPOH KUATKUASA

7.0 KOS TERLIBAT

A. Insuran

B. Kadar peratusan pembahagian keuntungan

8.0 LAIN-LAIN

MAKLUMAT PERJANJIAN KOMERSIAL DENGAN RMI

- 1.0 PERKARA
- 2.0 OBJEKTIF
- 3.0 PIHAK-PIHAK
  - A. UiTM diwakili oleh.....
  - B. Syarikat (No. Pendaftaran).....
- 4.0 PROFIL SYARIKAT
  - A. Pemegang saham
  - B. Modal dibenarkan
  - C. Modal berbayar
- 5.0 JENIS PROJEK
  - A. Projek Penyelidikan
  - B. Projek Penyelidikan
  - C. Projek Penyelidikan dan Perundingan
- 6.0 NILAI PROJEK
- 7.0 TEMPOH KUATKUASA
- 8.0 KOS TERLIBAT
  - A. Insuran
  - B. Kadar peratusan pembahagian keuntungan
- 9.0 LAIN-LAIN

Bagi tujuan di atas mengikut Sek. 15 Akta 173, Lembaga Pengarah boleh mewakilkan kuasa kepada yang berikut:

Bil	Bentuk dokumen	Nilai	Ditandatangani oleh
1	Memorandum Persefahaman dan Perjanjian menggunakan Meterai	Tiada had nilai	Naib Canselor UiTM dan seorang Ahli Lembaga mengikut Sek 5 (3) Akta 173
2	Memorandum persefahaman dan Perjanjian dengan pihak luar Negara	Tiada had nilai	Naib Canselor UiTM
3	Memorandum Persefahaman dan Perjanjian daripada Kampus Cawangan UiTM	RM500,000 ke atas	Naib Canselor UiTM
4	Memorandum Persefahaman dan Perjanjian daripada Kampus Cawangan UiTM	RM500,000 ke bawah	Pengarah Kampus Cawangan UiTM
5	Projek Perundingan dan Penyelidikan	RM500,000 ke atas	Naib Canselor UiTM
6	Projek Perundingan	RM500,000 ke bawah	Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) Research Management Institute
7	Projek Penyelidikan	RM50,000 ke bawah	Penolong Naib Canselor (Penyelidikan) Research Management Institute
8	Perjanjian kontrak Bekalan dan Perkhidmatan	Sila lihat Lampiran D	

## LAMPIRAN D

Bil.	Bentuk Kontrak	Nilai	Ditandatangani oleh
1.	ICT/perkhidmatan	Melebihi 1 juta	Bendahari atau Penolong Bendahari
2.	ICT/perkhidmatan	Di bawah 1 juta	Ketua Timbalan Bendahari atau Penolong Bendahari
3.	Bekalan/perkhidmatan	Melebihi 500 ribu	Ketua Timbalan Bendahari atau Penolong Bendahari
4.	Bekalan/perkhidmatan	Di bawah 500 ribu	Penolong Bendahari

## A. SAMPLE MEMORANDUM OF AGREEMENT/UNDERSTANDING

1. The power to sign contracts, whether of an academic or commercial nature, belongs to the University and not to individual Faculties or centres: sections 3(c), 4A and 9(1).
2. The Lembaga, as the personification of the University, may delegate its contractual powers to any member or any Committee of its members: s.15 Act 173.
3. It is recommended that the power relating to MOUs and MOAs should be delegated to the Vice-Chancellor subject to two conditions:
  - 3.1 All MOUs and MOAs should, as far as possible, include a minimum substantive content.
  - 3.2 A copy of the MOU/MOA shall be laid before the Lembaga for the Lembaga's information.
4. Though MOUs and MOAs are tailor-made to suit their own unique purposes and though they exhibit wide variety depending on whether it is an MOU or MOA; whether it is with a foreign or domestic party; and whether it is an academic or commercial agreement, the following core content can be generally included:
  - 4.1 Parties to the Contract/Memorandum
  - 4.2 Consideration (Balasan)
  - 4.3 Contract Period
  - 4.4 Scope of Agreement
  - 4.5 Representation
  - 4.6 Obligations of the Parties
  - 4.7 Bond
  - 4.8 Financial Provisions
  - 4.9 Termination
  - 4.10 Force Majeure
  - 4.11 Insurance
  - 4.12 Confidentiality
  - 4.13 Intellectual Property
  - 4.14 Indemnity
  - 4.15 Assignment

4.16 Amendment

4.17 Arbitration

4.18 General Provisions

- Notice
- Laws Applicable
- Cost of Agreement & Stamp Duty
- Compliance with the law
- Time

4.20 Signatories & Witnesses

6

6